

**NO SOALAN : 43**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.03.2018**

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ [ SUNGAI BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah kedudukan kewangan negara ketika ini dan sejauh manakah kedudukan kewangan ini mampu memastikan keadaannya terus stabil jika berlaku apa-apa kejutan pasaran terutamanya dari faktor-faktor luaran yang melibatkan perubahan polisi dan kedudukan ekonomi negara besar ekonomi dunia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Secara umumnya, kedudukan kewangan negara adalah kukuh dan bertambah baik daripada masa ke semasa. Ini terbukti melalui pelaksanaan dasar konsolidasi fiskal di mana Kerajaan telah Berjaya mengurangkan defisit fiskal sebagai peratusan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) secara beransur-ansur daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.0% pada tahun 2017. Pada masa yang sama kedudukan hutang Kerajaan terus menunjukkan penurunan daripada 54.5% berbanding KDNK pada

tahun 2015 kepada 50.8% pada tahun 2017, kekal di bawah had siling yang ditetapkan iaitu 55% daripada KDNK. Kerajaan komited untuk terus melaksanakan dasar konsolidasi fiskal untuk mewujudkan ruang fiskal bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas atau counter cyclical sekiranya berlaku sebarang ketidaktentuan ekonomi global.

2. Kerajaan juga telah berjaya mengurangkan kebergantungan terhadap hasil berkaitan petroleum daripada lebih 40% daripada jumlah hasil pada tahun 2009, kepada 14.9% daripada jumlah hasil pada tahun 2017. Ini terbukti apabila harga minyak mentah dunia mengalami kejatuhan sehingga mencecah paras terendah di bawah USD30 setong pada Januari 2016, Kerajaan masih mampu menurunkan paras defisit fiskal daripada 3.4% kepada KDNK pada tahun 2014 kepada 3.1% pada 2016 seterusnya 3.0% pada tahun 2017.
3. Langkah konsolidasi fiskal ini juga turut mendapat pengiktirafan dunia seperti Tabung Kewangan Dunia (IMF) melalui kenyataan berikut, "Sejak tiga tahun kebelakangan ini, defisit Kerajaan Persekutuan sebagai peratusan kepada GDP telah berkurang daripada 3.4 peratus pada 2014 kepada 3.0 peratus pada 2017. Pengurangan ini berjaya dilaksanakan melalui pengurangan perbelanjaan, selain pengenalan GST pada tahun 2015 turut membantu." Selain itu, agensi penarafan kredit antarabangsa terus mengiktiraf langkah konsolidasi fiskal yang dijalankan dan mengekalkan kedudukan penarafan kredit berdaulat negara dalam kategori 'A' berbanding negara-negara pengeluar minyak seperti Arab Saudi yang diturunkan penarafan.

- 96
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang sangat memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan 5.9% melepasi sasaran awal iaitu antara 5.2% hingga 5.7% pada 2017. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta serta disokong permintaan luar negeri yang lebih baik. Sementara itu, Malaysia terus menerima aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) bersih sebanyak RM39.2 bilion pada 2017, manakala rizab antarabangsa mencatat RM406.5 bilion (USD103.7 bilion) pada 28 Februari 2018, memadai untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.
  
  5. Pelaksanaan pelbagai program transformasi ekonomi termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal serta langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil menyediakan penampan yang mencukupi untuk menangani cabaran luar. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia sangat terdedah kepada pelbagai cabaran luar seperti perubahan harga minyak mentah global dan ketidaktentuan geopolitik dunia. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dunia dalam memastikan aktiviti ekonomi negara kekal bertumbuh. Di samping itu, Kerajaan akan terus memastikan asas ekonomi negara terus kukuh, pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh; kadar inflasi yang terkawal; rizab asing yang mencukupi; dan sistem kewangan yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

6. Kerajaan yakin dengan polisi sedia ada, dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK-11), disertai dengan pelaksanaan projek-projek infrastruktur strategik, agenda pembangunan dapat diteruskan seterusnya memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, Kerajaan akan terus mengukuhkan ekonomi domestik melalui inisiatif-inisiatif seperti pelaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) serta adaptasi Revolusi Industri 4.0. Kerajaan yakin sekiranya semua pihak dapat berganding bahu dalam menjayakan agenda pembangunan yang dirancang, Malaysia akan dapat mencapai sasaran untuk meningkatkan saiz ekonomi kepada RM2 trilion menjelang 2025 dan menempatkan negara di kalangan 20 negara terbaik dunia pada 2050 atau lebih awal lagi.